



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANJUTAN TEMPOH PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN BULANAN OLEH INDIVIDU BANKRAP

Selaras dengan komitmen kerajaan untuk meneruskan agenda prihatin rakyat, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021, antara lain memberikan moratorium selama enam (6) bulan kepada semua peminjam individu sama ada golongan B40, M40 atau T20, dan usahawan mikro berdasarkan permohonan.

Bagi menyokong langkah kerajaan dan mengambil kira kesulitan yang dihadapi rakyat termasuklah bankrap, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) telah memutuskan untuk memberikan pelanjutan tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan di bawah Akta Insolvency 1967 [Akta 360] untuk tempoh tiga (3) bulan lagi bermula 1 September 2021 sehingga 30 November 2021. Namun demikian, bagi individu bankrap yang tidak berhasrat untuk menerima moratorium ini, bolehlah meneruskan pembayaran secara dalam talian.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh disalurkan ke emel cawangan-cawangan Mdl atau melalui talian 03 8885 1361 / 1221 / 1321 / 1288 / 1065.

Sekian, terima kasih.

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

2 Ogos 2021